

Pengawasan Pentadbir Pencen Swasta

SC membuat pengawasan terhadap Pentadbir Pencen Swasta (PPA) dalam memastikan pelaksanaan fungsinya sebagai pentadbir pusat bagi Skim Persaraan Swasta (PRS), termasuk menyediakan pendidikan mengenai pelaburan dan simpanan persaraan melalui PRS.

Pada tahun 2024, PPA terus menyediakan perkhidmatan pendaftaran dan tambah nilai melalui platform PRS Online untuk ahlinya dan orang ramai. Pelbagai usaha untuk pendidikan pelabur, termasuk inisiatif pemasaran dan kempen promosi juga diperkenalkan untuk meningkatkan kesedaran dan literasi awam tentang PRS, yang penting untuk memudahkan pertumbuhan industri PRS yang lebih tinggi.

ADUAN DAN PERTANYAAN

SC melaporkan peningkatan ketara dalam jumlah keseluruhan aduan dan pertanyaan yang diterima pada tahun 2024 berbanding tahun-tahun sebelumnya, menunjukkan trend peningkatan yang konsisten sepanjang tahun.

Tahun ini, SC menerima sejumlah 8,501 kes, terdiri daripada 3,910 aduan dan 4,591 pertanyaan. Ini mewakili peningkatan 60% daripada tahun 2023. (Carta 1).


Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh aktiviti tidak berlesen dan penipuan yang masing-masing membentuk 51.3% dan 62.2% daripada jumlah aduan dan pertanyaan yang diterima (Carta 2 dan Carta 3).

Penipuan dan aktiviti tidak berlesen

Aduan dan pertanyaan mengenai penipuan dan aktiviti tidak berlesen telah meningkat secara konsisten dengan peningkatan 337% dari tahun 2019 hingga 2024. Peningkatan keseluruhan kelihatan membimbangkan, hakikatnya bahawa lebih ramai orang melaporkan penipuan dan aktiviti tidak berlesen serta lebih ramai yang tidak menjadi mangsa kepada aktiviti dan penipuan ini sebelum tampil ke SC merupakan satu perkembangan positif. Menerusi aduan dan pertanyaan yang diterima, SC berjaya mendapatkan gambaran tentang trend semasa dan modus operandi yang sedang muncul. Ini seterusnya membolehkan SC mengambil langkah-langkah yang perlu dengan segera supaya aktiviti haram dapat dibendung bagi mengelakkan lebih ramai orang menjadi mangsa.

CARTA 1


Aduan dan pertanyaan (2020 – 2024)



■ Aduan ■ Pertanyaan ■ Jumlah


CARTA 2

Klasifikasi aduan



CARTA 3

Klasifikasi pertanyaan






Pemantauan Aktiviti Tidak Berlesen

Selain aduan dan pertanyaan yang diterima daripada orang ramai, SC juga menubuhkan unit Pemantauan Aktiviti Tidak Berlesen (SUA) khusus pada tahun 2022 untuk menangani secara proaktif risiko yang semakin meningkat yang ditimbulkan oleh peserta pasaran tidak berlesen.

Selama bertahun-tahun, unit SUA telah mengenal pasti trend baharu, termasuk peningkatan penggunaan platform media sosial dan pempengaruh untuk mempromosikan produk serta perkhidmatan tidak berlesen, serta semakin meluasnya penggunaan teknologi deepfake untuk menyamar sebagai tokoh berpengaruh dan terkenal dalam aktiviti penipuan. Unit SUA juga mengesan peralihan ketara dalam kaedah pemindahan wang, di mana sesetengah skim kini menggunakan perkhidmatan gerbang pembayaran pihak ketiga bagi transaksi kewangan, menggantikan pemindahan wang terus ke akaun bank peribadi, sebagai usaha mengelakkan syak wasangka dan menghindari pengesanan.

Sehingga 31 Disember 2024, SC mengenal pasti sejumlah 796 URL (2023: 569 URL) merentas pelbagai laman web dan media sosial bagi potensi pelanggaran yang berkaitan dengan penawaran produk dan perkhidmatan tidak berlesen kepada rakyat Malaysia. Antaranya, 59% berasal daripada Telegram, 19% daripada Facebook, 13% daripada laman web, 4% daripada Instagram dan 5% daripada sumber lain termasuk TikTok, X, dan YouTube.

CARTA 4
Aduan dan pertanyaan mengenai penipuan dan aktiviti tidak berlesen



⁷ Laporan bertajuk ‘Memahami tahap kerentanan terhadap penipuan pelaburan dan kesediaan untuk perancangan persaraan’.

Jenis Utama Dikenal Pasti

Aduan dan pertanyaan yang diterima oleh SC dan yang dikenal pasti melalui pengawasan secara amnya boleh dibahagikan kepada dua kategori:

- Penipuan** – termasuk pelbagai jenis penipuan, seperti yang melibatkan produk pelaburan yang tidak wujud.
- Aktiviti tidak berlesen** – apabila individu atau entiti menjalankan perniagaan terkawal tanpa dilesenkan atau berdaftar dengan SC.

Penipuan Pelaburan

Perbezaan utama antara penipuan pelaburan dan jenis penipuan lain terletak pada sifat penipuan dan tumpuan aktiviti penipuan. Sebagai contoh, dalam penipuan pelaburan, penipuan berkisar tentang pelaburan kewangan yang menjanjikan pulangan tinggi atau peluang berisiko rendah yang sama ada tidak wujud atau tidak seperti yang dikatakan. Mereka mengeksploitasi keinginan orang ramai demi keuntungan kewangan dengan mengelirukan mereka tentang sifat, keuntungan, atau kesahihan pelaburan.

Walaupun terdapat kesedaran meluas tentang penipuan pelaburan, masih ada sebilangan orang yang terus terdedah kepada dan/atau menjadi mangsa seperti yang ditunjukkan dalam peningkatan berterusan bilangan aduan. Sebab orang ramai terus terpengaruh dengan penipuan sedemikian boleh disebabkan oleh beberapa faktor:

- Kekurangan Pengetahuan Asas Pelaburan:** Sebahagian besar populasi tidak mempunyai pemahaman asas tentang prinsip pelaburan. Mereka mungkin bergelut untuk memahami instrumen kewangan yang kompleks atau mengenali tanda merah suatu penipuan. Menurut kaji selidik baru-baru ini oleh SC,⁷ ramai pelabur bergantung pada sumber maklumat pihak ketiga, seperti nasihat daripada rakan atau keluarga, yang boleh membawa kepada membuat keputusan yang lemah.
- Tamak dan Ingin Untung Cepat:** Penipu sering memanipulasi mangsa mereka dengan menjanjikan pulangan yang tinggi dengan risiko yang minimum. Daya tarikan mendapat wang cepat ini mungkin menarik minat individu yang mungkin tidak memahami sepenuhnya risiko yang berkaitan.

- **Kepercayaan kepada Pihak Autoriti:** Penipu kerap menyamar sebagai tokoh yang boleh dipercayai, seperti pegawai kerajaan, organisasi bereputasi atau personaliti terkenal. Perkara ini boleh mengelirukan orang ramai untuk mempercayai bahawa peluang pelaburan itu adalah sah.
- **Manipulasi Psikologi:** Penipu menggunakan taktik psikologi, seperti mewujudkan rasa mendesak dengan 'tawaran masa terhad' atau menggunakan testimoni palsu untuk bukti sosial. Strategi ini boleh menekan mangsa untuk membuat keputusan terburu-buru.
- **Kemunculan Taktik Baharu:** Walaupun usaha sedang dibuat untuk meningkatkan kesedaran tentang penipuan, penipu sentiasa berkembang dan membangunkan taktik baharu seperti memaksa mangsa untuk membayar dalam bentuk aset digital sebagai cara pembayaran berbanding mata wang fiat tradisional.

Faktor-faktor ini menyumbang kepada kelemahan berterusan individu terhadap penipuan pelaburan.

Trend Penipuan Baru Muncul

SC sentiasa memantau trend dan kaedah yang muncul berkaitan penipuan untuk memastikan intervensi yang sesuai dan tepat pada masanya diambil. Pada tahun 2024, beberapa trend baharu penting yang diperhatikan oleh SC adalah:

A. Penggunaan Deepfake

Penipu menggunakan *deepfake*, yang dihasilkan oleh kecerdasan buatan (AI), untuk menyamar sebagai individu terkemuka dan syarikat bereputasi (termasuk Perantara SC). Video ini sering memaparkan tokoh awam atau jenama terkenal, yang memberikan kredibiliti palsu bagi skim penipuan. AI memanipulasi video untuk sepadan dengan suara dan penampilan tokoh-tokoh ini, menjadikan peluang pelaburan palsu kelihatan sah. Biasanya, video *deepfake* ini mempromosikan pelaburan yang kononnya disokong oleh syarikat terkenal. Posting penipuan termasuk butang atau pautan 'Ketahui Lebih Lanjut', yang membawa audiens ke halaman pendaftaran untuk mengumpul maklumat peribadi. Mereka yang mengakses pautan itu juga diminta memuat turun aplikasi, yang mendedahkan mereka pada risiko jenayah siber. Selepas mendaftar, bakal mangsa dihubungi oleh ejen penipu yang memperdaya mereka untuk memindahkan wang ke dalam akaun bank keldai.

B. Penipuan Pelaburan Pra-IPO

Kebanyakannya melibatkan penawaran sekuriti atau saham secara tertutup, penipuan sebegini biasanya

dilakukan berdekatan dengan penyenaian IPO yang akan datang yang diterbitkan di laman web Bursa Malaysia. Pelaku penipuan ini, menyamar sebagai 'ejen', biasanya membuat grup terbuka di WhatsApp untuk mempromosikan pelaburan pra-IPO ini. Berikutan itu, bakal mangsa akan dimasukkan ke dalam grup tersebut tanpa diminta. Skim ini mungkin disertakan dengan testimoni palsu daripada pelabur lain untuk kelihatan boleh dipercayai. Pembayaran untuk 'langganan' perlu dibuat ke akaun bank entiti yang tidak berkaitan dengan IPO dan disyaki sebagai akaun bank keldai. Pada hari penyenaian IPO, 'ejen' ini akan mengumumkan bahawa saham IPO telah disenaraikan dan telah mendapat keuntungan, dan bahawa bayaran tambahan diperlukan untuk saham mereka diperuntukkan. Ini dilakukan untuk meyakinkan mangsa mengeluarkan lebih banyak wang.

Berbangkit daripada kebimbangan yang timbul di atas, SC mengeluarkan kenyataan akhbar pada 4 Julai 2024 bertajuk 'SC memberi amaran kepada orang ramai tentang penipuan pelaburan pra-IPO', dan pada 22 Julai 2024 bertajuk 'SC memberi amaran kepada orang ramai tentang penipuan pelaburan *deepfake*'.

C. Penipuan menggunakan Akaun Bank Keldai Syarikat dan Bukannya Akaun Bank Individu

SC mendapati penggunaan syarikat yang diperbadankan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sebagai akaun bank keldai. Penipu akan menggunakan akaun bank syarikat sedia ada tetapi tidak aktif tanpa operasi perniagaan untuk menerima dan memindahkan dana haram.

Pada masa lalu, SC mendapati kebanyakannya penggunaan akaun bank individu sebagai akaun keldai untuk mengabui operasi mereka. Mengenai perkara ini, SC pada tahun 2022 telah mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap 19 pemegang akaun keldai. Dengan beroperasi di bawah samaran entiti perniagaan yang sah, penipu boleh mewujudkan rasa kepercayaan dan kredibiliti palsu, menjadikan bakal mangsa lebih mudah terdedah.

Pemerhatian di atas sejajar dengan arah aliran global yang dapat dilihat dalam bidang kuasa lain, ini menunjukkan bahawa cabaran yang dihadapi oleh rakyat Malaysia bukanlah unik tetapi mencerminkan isu yang sedang berlaku di seluruh dunia.

Berbangkit daripada kebimbangan yang timbul di atas, SC di mana perlu, mengeluarkan siaran media pada 4 Julai 2024 bertajuk 'SC Memberi Amaran Kepada Orang Ramai Mengenai Penipuan Pelaburan Pre-IPO', pada 22 Julai 2024 bertajuk 'SC Memberi Amaran Kepada Orang Ramai Mengenai Penipuan Pelaburan Deepfake', dan pada 9 Disember 2024 bertajuk 'SC Memberi Makluman Umum Mengenai Surat Pelaburan Palsu Menggunakan Nama SC'.



Langkah Dilaksanakan untuk Membendung Penipuan dan Aktiviti Tidak Berlesen

SC memperkuat pemantauan dan pengawasannya terhadap penipuan dan aktiviti tidak berlesen yang ditawarkan dalam talian, termasuk melalui laman web dan platform media sosial. SC menjalankan pendekatan proaktif dalam memerangi penipuan dan aktiviti tidak berlesen dengan menjalankan intervensi awal dan mengganggu aktiviti termasuk kemasukan dalam Senarai Peringatan Pelabur SC, menyekat laman web dan platform media sosial serta bekerjasama dan menyelaraskan dengan pihak berkuasa yang berkaitan. SC juga menggunakan strategi intervensi media sosial apabila mesej akan disiarkan secara terbuka di halaman media sosial mengenai penipu yang disyaki dan pengendali aktiviti tidak berlesen, untuk memberi amaran kepada pengendali bahawa SC mengetahui aktiviti mereka dan bahawa mereka melanggar undang-undang sekuriti.

Di samping itu, apabila pelanggaran undang-undang sekuriti diwujudkan, tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya juga akan diambil. Tindakan penguatkuasaan diambil berdasarkan beberapa faktor, termasuk tetapi tidak terhad kepada bukti yang mencukupi dan konklusif.

Selain daripada intervensi di atas, SC pada tahun 2024 memulakan pendekatan intervensi baharu iaitu dengan mengeluarkan surat pemberitahuan kepada bank tempatan yang memaklumkan mereka mengenai kemungkinan akaun bank keldai yang terlibat dalam kes aktiviti tidak berlesen yang didedahkan oleh SC.

SC Menyemak Semula Nota Panduan Mengenai Nasihat Pelaburan dengan Memasukkan Pempengaruh Kewangan

SC mendapati kebimbangan mengenai tatalaku pempengaruh kewangan atau lebih dikenali sebagai finfluencer, yang aktiviti mereka (antara lain) boleh melibatkan penyediaan nasihat pelaburan tanpa lesen. Untuk mengukuhkan dan mempertingkatkan perlindungan pelabur, SC antara lain telah mengemas kini Nota Panduan mengenai Peruntukan Nasihat Pelaburan. Nota Panduan ini menjelaskan aktiviti pempengaruh kewangan yang boleh dianggap sebagai nasihat pelaburan dan, oleh itu, mesti mematuhi CMSA. Selain itu, SC telah mengeluarkan **surat amaran** kepada pengendali gerbang pembayaran pihak ketiga di Malaysia yang dikenal pasti terlibat dalam memudahkan aktiviti tidak berlesen. Seiring dengan itu, SC juga telah menerbitkan infografik yang mengandungi Soalan Lazim dan senarai semak. SC akan terus menangani sebarang perkembangan dan trend melalui, antaranya, penerbitan panduan kepada orang ramai.

JADUAL 18
Usaha intervensi terhadap penipuan dan aktiviti tidak berlesen

Tindakan diambil	2024	2023
Permulaan tindakan penguatkuasaan	4	4
Kemasukan dalam Senarai Peringatan Pelabur SC	273	315
Menyekat laman web dengan bantuan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)	153	146
Sekatan-Geo akaun Facebook and Instagram	81	95
Permintaan untuk menyekat akaun Telegram	180	153
Intervensi media sosial	336	420
Penyerahan laporan polis	141	97
Rujukan kepada agensi lain/ pengawal selia asing	235	128
Pengeluaran Notis Penggantungan dan Pemberhentian	3	5

SC Menangani Kebimbangan Kawal Selia Ke Atas Pengendali Pertukaran Aset Digital Tidak Berdaftar

Penawaran dan dagangan aset digital di Malaysia dikawal selia oleh SC. Aset digital, yang merangkumi mata wang digital dan token digital, ditetapkan sebagai sekuriti menurut *Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Penetapan Sekuriti) (Mata Wang Digital dan Token Digital) 2019* (Perintah Preskripsi), yang berkuat kuasa pada 15 Januari 2019.

Sesiapa sahaja yang ingin berdagang dalam aset digital boleh berbuat demikian melalui Bursa Aset Digital. Mana-mana pihak yang mengendalikan atau menyelenggara Bursa Aset Digital (DAX) di Malaysia mesti berdaftar dengan SC sebagai pengendali pasaran yang diiktiraf (RMO). Mana-mana pihak yang berhasrat untuk mengendalikan DAX mesti mematuhi *Garis Panduan Pasaran Diiktiraf* (Garis Panduan RMO) dan tertakluk kepada keperluan berterusan yang dikenakan ke atas RMO sebagaimana yang ditetapkan dalam Garis Panduan RMO.

DAX yang beroperasi di Malaysia dan menyasarkan pelabur Malaysia tanpa berdaftar dengan SC akan melanggar CMSA. SC menganggap DAX menyasarkan pelabur Malaysia secara aktif jika pengendalinya atau wakil pengendalinya secara langsung atau tidak langsung mempromosikan DAX di Malaysia. Contoh promosi sedemikian termasuk menyediakan denominasi MYR sebagai pilihan dagangan di platform mereka, mengiklankan DAX dalam mana-mana penerbitan di Malaysia, atau menghantar mel terus atau e-mel ke alamat di Malaysia untuk memasarkan atau mempromosikan DAX.

Berikutan berkuat kuasanya Perintah Preskripsi pada Januari 2019, SC menerima 996 aduan dan pertanyaan mengenai pengendali DAX yang tidak berdaftar.

	2020	2021	2022	2023	2024
Aduan dan pertanyaan	117	241	76	343	219

Perkara ini merujuk terutamanya kepada pengendali DAX yang mungkin berlesen atau dikawal selia oleh pengawal selia asing tetapi didapati membuat penawaran kepada pelabur Malaysia. Terdapat keadaan platform DAX adalah sepenuhnya palsu, tanpa sebarang aktiviti dagangan sebenar berlaku. Pelabur diperdaya untuk mempercayai bahawa mereka sedang mengambil bahagian dalam dagangan yang sah, sedangkan wang mereka sebenarnya diseleweng oleh penipu. Platform penipuan ini lazimnya tidak memberikan maklumat mengenai lokasi mereka atau sebarang sokongan daripada syarikat yang sah, sekali gus meletakkan mereka di luar jangkauan kawal selia SC dan menyukarkan usaha menjejaki mereka.


SC menerima pelbagai aduan yang melibatkan kerugian atau pertikaian kewangan daripada pelabur yang melabur melalui pengendali DAX yang tidak berdaftar. Berdasarkan maklumat yang dikongsi oleh pengadu, kebanyakan pengendali yang menyasarkan rakyat Malaysia tidak responsif terhadap e-mel atau panggilan telefon yang dibuat oleh pengadu untuk mendapatkan penjelasan. Oleh itu, rakyat Malaysia yang melabur dengan pengendali ini mungkin tidak mempunyai perlindungan atau bantuan yang diperlukan sekiranya berlaku sebarang pertikaian. Untuk pembangunan pasaran RMO yang teratur di Malaysia dan bagi memastikan perlindungan pelabur, SC telah menetapkan keperluan supaya DAX didaftarkan dengan betul.

Sebagai tindak balas kepada kelaziman pengendali DAX yang tidak sah, SC menggunakan pendekatan pelbagai serampang untuk menangani kebimbangan ini. Antaranya melalui tindakan penguatkuasaan, makluman pelabur, penyekatan laman web (dilakukan melalui bantuan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia atau SKMM), arahan penggantungan dan pemberhentian, serta inisiatif pendidikan pelabur.

Setakat ini, SC telah mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap empat DAX yang tidak sah sejak beberapa tahun lalu, dengan yang terkini adalah pada November 2024 terhadap ByBit. Pengendali DAX ini tergolong antara yang terbesar mengikut volum dagangan dan mempunyai kehadiran global yang signifikan, tetapi didapati mencari pelabur Malaysia. Keputusan sama ada tindakan penguatkuasaan perlu dimulakan sentiasa berdasarkan ketersediaan bukti, hasil yang ingin dicapai, dan samada terdapat cara alternatif yang boleh digunakan untuk mencapai hasil yang sama.

Dalam kes ByBit, SC menegur ByBit mengikut Seksyen 354(3) CMSA dan mengeluarkan arahan untuk menyahdayakan laman web dan aplikasi mudah alih mereka (di Apple Store dan Google Play Store). Mereka juga dikehendaki menghentikan serta-merta pengedaran, penerbitan, atau penghantaran sebarang iklan, sama ada melalui e-mel atau cara lain, kepada pelabur Malaysia. Tindakan SC pada tahun 2024 ini adalah konsisten dengan tindakan yang telah diambil oleh SC terhadap Binance, Remitano (2020) dan Huobi (2023), selepas berkuat kuasanya Perintah Preskripsi pada Januari 2019.

SC akan terus memantau dan mengambil tindakan yang perlu, termasuk tindakan penguatkuasaan, untuk melindungi pelabur Malaysia serta berfungsi sebagai penghalang kepada mereka yang ingin menjalankan perniagaan mereka di Malaysia secara haram.



Walaupun SC akan terus memainkan peranannya, termasuk memantau dan mengambil langkah-langkah untuk mengesan dan bertindak terhadap aktiviti haram yang melibatkan DAX tidak berdaftar, orang ramai juga harus bertanggungjawab serta membuat pertimbangan dengan berhati-hati. Pelabur yang ditawarkan untuk melabur dalam DAX, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, yang tidak berdaftar dengan SC, boleh membuat laporan kepada SC agar tindakan yang sewajarnya boleh diambil.